

Makna Muzium Darurat

Mengabadikan perjuangan, jasa pasukan keselamatan kita menentang kekejaman Parti Komunis Malaya

mengenal pasti dari sejarah siapa sebenarnya dan pejuang bangsa apa pembelot dan penentang dalam perjuangan untuk kemerdekaan dan pembangunan negara Malay-

...bahan pula, katanya, ...g demi seorang dari... mereka yang terbabit gerakan mematahkan frontkan komunis yang melalui pengalag... geri semasa komunis harajalela, sudah me... dunia.

...ka yang masih hidup dirakamkan pengala... mereka dengan kecang... teknologi yang ada ini. Rakaman itu bo... mpian di muzium ber... sebagai satu catatan berharga yang boleh... dan ditonton peng... Muzium Darurat dicadangkan.

...ng menentang komu... at penting untuk di... an bagi memberi pe... n mengenai bahaya dalam selimut. Kisah... mereka dalam pe... an itu adalah bahan penting yang perlu... dan disimpan. Jika... sudah tiada, apa lagi... leh menjadi bukti ke... komunis?" katanya. berkata tidak banyak... an wang diperlukan membina Muzium



OMAR...cadang bina Muzium Darurat

Darurat sedangkan manfaatnya amat besar untuk masa depan negara.

Menurut Omar, zaman Darurat yang banyak menyaksikan peristiwa berdarah amat penting dalam lipatan sejarah Malaysia.

Ia juga perlu diabadikan supaya dapat menjadi iktibar dan pengajaran sepanjang masa kepada rakyat Malaysia khususnya generasi akan datang.

Negara, katanya, mengambil masa kira-kira 41 tahun (1948-1989) untuk memerangi dan menewaskan pengganas Parti Komunis Malaya (PKM) di bawah pimpinan Chin Peng, Setiausaha Agung PKM.

Pengganas komunis yang dikenali sebagai 'Bintang Ti-



ROSAK...Tugu Negara simbol keperwiraan angkatan tentera kita diletupkan komunis pada 26 Ogos 1975.

lebih-lebih lagi apabila kita mula alpa atau memandang ringan keselamatan negara," jelas Omar.

Justeru, PSM menyokong penuh keputusan kerajaan tidak membenarkan Chin Peng pulang dan tinggal di negara ini.

Katanya, dengan membawa balik Chin Peng bermakna memberi pengiktirafan dan penghormatan kepada pemimpin komunis itu serta perjuangannya.

Omar turut mengulas tindakan Chin Peng menghasilkan memoir yang mendakwa pemberontak komunis Malaya adalah pejuang nasionalis radikal yang menentang imperialis dan penjajahan British.

"Itu satu pembohongan besar. Dia cuba memutarbelitkan sejarah Darurat untuk menutupi keganasan, kejahatan serta dosa yang mereka lakukan," katanya.

Menurut beliau, PKM gagal di negara ini kerana tidak mendapat sokongan padu orang Melayu yang beragama Islam yang melihat komunis sebagai anti-Islam dan gejala asing.

Pada 2 Disember 1989, Perjanjian Damai Haadyai yang ditandatangani di antara PKM, kerajaan Malaysia dan kerajaan Thailand menamatkan perjuangan bersenjata komunis.

"Perjanjian itu penyelesaian bijak. Komunis secara terang-terangan tewas, tetapi mereka tidak dihukum seperti lazim dilakukan ke atas pihak yang kalah perang.

"Chin Peng serta pemimpin PKM sebaliknya dibenarkan tinggal di wilayah Thai bersempadan Malaysia. Perjanjian Haadyai 1989 adalah anugerah konsesi yang amat besar dan PKM seharusnya berterima kasih. Meminta lebih daripada itu sudah keterlaluan dan tidak menenggang budi," katanya. - Bernama

ga' mengganas dan bermarahalela selama dua minggu selepas Jepun tewas dan sebelum Inggeris mengambil alih pemerintahan negara ini pada September 1945.

Ini kemudian disusuli pe-

ngisytiharan darurat pada 16 Jun 1948 yang berlarutan sehingga 1960. Kerajaan British mengisytiharkan Darurat selepas tiga pengurus ladang dibunuh komunis di Sungei Siput, Perak. Dalam tempoh yang panjang memerangi komunis, jelasnya, negara kerugian ratusan juta ringgit.

"Kerajaan menanggung kos perang antara RM130 juta hingga RM150 juta setahun. Saya masih ingat ketika bersekolah di Penang Free School, kami diberitahu guru sejarah bahawa kerajaan menanggung kos RMI juta sehari untuk memerangi komunis. Itu baru kos yang ditanggung kerajaan kita tidak termasuk pasukan tentera Inggeris dan Komanwel," katanya.

Rakyat Malaysia wajar bangga dengan kejayaan kerajaan dan rakyat yang berjaya mematahkan pemberontakan komunis.

"Inilah kali pertama dalam sejarah sebuah negara bebas berjaya mengalahkan komunis. Rakyat bukan sahaja harus berbangga, tetapi tidak boleh melupakan atau menisiasikan pengorbanan mereka yang mempertaruhkan nyawa untuk menghancurkan cubaan komunis daripada berkuasa di negara ini.

"Rakyat perlu sedar bahaya seperti ini ada setiap masa,